



## **GARIS PANDUAN BAGI FASILITI SUKAN TERTUTUP / TERBUKA**

1. Dokumen ini menyediakan langkah-langkah pembukaan semula premis perniagaan atau pengemaskinian operasi perniagaan termasuk aktiviti-aktiviti yang dibenarkan semasa Fasa Peralihan di dalam Rangka Kerja Pemulihan Kebangsaan COVID-19.
2. Fasa Peralihan akan bermula pada 19 November 2021 dan antara langkah-langkah yang boleh dilaksanakan adalah pembukaan semula tempat kerja dan premis perniagaan secara berperingkat dengan beberapa sekatan untuk mencegah terjadinya kes jangkitan yang teruk, kemasukan ke hospital dan kematian disebabkan oleh penyakit COVID-19.
3. Pendekatan dalam Fasa Peralihan ini akan memastikan pematuhan kepada Langkah-Langkah Kawalan COVID-19, menggalakkan penggunaan *Antigen Rapid Test (ART)* sebagai langkah pengesanan awal jangkitan dan memperkenalkan sekatan berbeza bagi individu yang sudah divaksinasi dan belum divaksinasi.
4. Langkah-langkah kawalan COVID-19 adalah seperti berikut:
  - a) Penggunaan aplikasi BruHealth
    - Mendaftar BruHealth : Semua premis mesti mendaftar untuk mendapatkan kod QR BruHealth dan seterusnya mencetak kod QR tersebut untuk dilekatkan di kawasan pintu masuk.
    - Daftar Pekerja : Pemilik premis hendaklah memastikan semua pekerja didaftarkan di dalam aplikasi BruHealth. Kesemua pekerja adalah dikehendaki untuk mengimbas masuk/keluar apabila mereka tiba/meninggalkan premis kerja.
    - Mengimbas Kod BruHealth : Pemilik premis hendaklah memastikan semua individu yang memasuki premis mengimbas aplikasi BruHealth mereka sebaik sahaja masuk (termasuk semua pekerja / kakitangan / sukarelawan).
    - Warna Kod BruHealth : Pemilik premis perlu memastikan hanya individu yang mempunyai kod BruHealth hijau dan kuning dibenarkan masuk. Kad pengenalan individu hendaklah diperiksa sebagai pengesahan.



- b) Vaksin Lengkap
- Pemilik premis hendaklah memastikan semua pekerja / kakitangan / sukarelawan yang layak diberi vaksin (tiada kontraindikasi perubatan) telah divaksin sepenuhnya. Seseorang individu dianggap telah diberi vaksin sepenuhnya jika dia telah menerima **dua dos** vaksin di dalam Senarai Penggunaan Kecemasan World Health Organisation (WHO) [WHO Emergency Use Listing] atau vaksin yang diluluskan oleh *Brunei Darussalam Medicines Control Authority* (BDMCA). Status vaksinasi dalam BruHealth, Sijil Vaksinasi Antarabangsa atau Buku Profilaksis (Buku Kuning) atau rekod vaksinasi lain yang boleh diterima dan ditunjukkan kepada pengurusan premis atau penganjur acara sebagai bukti vaksinasi.
- c) Penjarakan Sosial
- Mengamalkan langkah-langkah penjarakan sosial dan fizikal menjauhkan fizikal yang telah ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 1.5 meter di antara individu jika boleh.
- d) Pengudaraan Premis
- Pemilik premis hendaklah memastikan premis dalaman mempunyai pengudaraan yang mencukupi.
- e) Protokol Kesenambungan Perniagaan (*Business Continuity*)
- Menyediakan Pelan Kesenambungan Perniagaan (*Business Continuity Plan* [BCP]) untuk memastikan premis kekal beroperasi seperti melaksanakan *alternate teams* dan garis panduan *contact tracing*.
- f) Antigen Rapid Test (ART)
- Melaksanakan ujian ART, bila perlu, mengikut Garis Panduan ART Guidelines yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan (MOH).
5. Sebagai peranan bersama, setiap premis perniagaan dipohonkan untuk memberikan kerjasama untuk mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa. Mana-mana pemilik premis perniagaan yang didapati tidak mematuhi garis panduan pembukaan semula premis dan syarat-syarat yang ditetapkan **boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204** dan premis tersebut **boleh diarahkan untuk tutup dengan serta merta**.



6. Langkah-langkah pembukaan semula fasiliti sukan tertutup/terbuka seperti *gym*, pusat kecergasan, kolam-kolam renang, pusat bowling dan padang golf hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

A. *Gym* dan Pusat Kecergasan

Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hanya pekerja yang melengkapkan <b>dua (2) dos vaksin dibenarkan</b> bekerja.</li> <li>• Pihak majikan adalah dinasihatkan untuk membuat ujian ART berkala ke atas setiap pekerja sepertimana yang dinyatakan di dalam Garis Panduan Antigen Rapid Test (ART) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.</li> <li>• Hanya pekerja yang mempunyai kod BruHealth <b>HIJAU</b> dan <b>KUNING</b> sahaja dibenarkan memasuki premis untuk bekerja.</li> <li>• Mana-mana pekerja yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir bekerja.</li> <li>• Memastikan pekerja-pekerja sentiasa memakai sungkup muka (<i>face mask</i>) pada setiap masa.</li> <li>• Mendaftar premis untuk mendapatkan kod QR BruHealth dan seterusnya mencetak kod QR tersebut untuk dilekatkan di kawasan pintu masuk.</li> <li>• Menghadkan jumlah pengunjung yang dibenarkan untuk masuk dalam satu-</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengimbas kod QR BruHealth sebelum memasuki premis. Hanya individu yang mempunyai kod warna yang betul iaitu <b>HIJAU</b> atau <b>KUNING</b> akan dibenarkan masuk ke premis.</li> <li>• Hanya pelanggan yang melengkapkan <b>dua (2) dos vaksin</b> dibenarkan untuk memasuki premis dengan menunjukkan status vaksinasi di aplikasi BruHealth / Buku Vaksinasi (<i>Yellow Booklet</i>).</li> <li>• Individu yang belum divaksinasi (termasuk kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah) dan individu yang belum melengkapkan dua (2) dos vaksin tidak dibenarkan masuk ke premis.</li> <li>• Individu yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi premis.</li> <li>• Dimastikan memakai sungkup muka (<i>face mask</i>) pada setiap masa kecuali ketika melakukan senaman/kegiatan fizikal.</li> </ul>



<b>Pemilik/Pekerja</b>	<b>Pelanggan</b>
<p>satu masa kepada <b>50% dari jumlah kapasiti biasa ATAU tidak melebihi 200 orang (yang mana lebih rendah).</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Mempamerkan notis jumlah maksima dan jumlah 50% kapasiti serta status vaksinasi pekerja seperti di <b>LAMPIRAN 1</b> di luar premis.</li><li>• Tempoh penggunaan fasiliti tidak dihadkan.</li><li>• Hanya dibukakan kepada ahli-ahli yang berdaftar melalui tempahan awal (<i>pre-booking</i>).</li><li>• Sukan <b><i>single, double</i></b> atau <b><i>pair sports</i></b> dan <b><i>non-contact artistic sports</i></b> adalah dibenarkan. <b>Sukan berpasukan tidak melebihi 15 orang</b> adalah dibenarkan bagi menjalani latihan sahaja dimana pertukaran atau percampuran pemain adalah dibenarkan.</li><li>• Aktiviti yang melibatkan <i>physical contact</i> dan perkongsian peralatan adalah <b>dibenarkan secara minima</b>. Manakala <i>Contact Sports</i> adalah dibenarkan bagi sesi latihan sahaja <b>tanpa melibatkan latihan <i>sparring</i></b>.</li><li>• Penganjuran <i>Organised Sports</i> atau sebarang kejohanan <b>belum dibenarkan</b>.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mengamalkan penjarakan sosial dan kebersihan diri pada setiap masa seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan <i>hand sanitizer</i>.</li></ul>



Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <i>locker room</i> dan tempat mandi adalah dibenarkan.</li> <li>• Membuat pemeriksaan suhu badan di tempat masuk premis dan menyediakan <i>hand sanitiser</i>.</li> <li>• Memastikan semua peralatan hendaklah dibersihkan sebelum dan selepas penggunaan.</li> <li>• Mematuhi garis panduan dalam pembersihan dan sanitasi premis.</li> </ul>	

#### B. Kolam-Kolam Renang

Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hanya pekerja yang melengkapkan <b>dua (2) dos vaksin dibenarkan</b> bekerja.</li> <li>• Pihak majikan adalah dinasihatkan untuk membuat ujian ART berkala ke atas setiap pekerja sepertimana yang dinyatakan di dalam Garis Panduan Antigen Rapid Test (ART) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.</li> <li>• Hanya pekerja yang mempunyai kod BruHealth <b>HIJAU</b> dan <b>KUNING</b> sahaja dibenarkan memasuki premis untuk bekerja.</li> <li>• Mana-mana pekerja yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir bekerja.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengimbas kod QR BruHealth sebelum memasuki premis. Hanya individu yang mempunyai kod warna yang betul iaitu <b>HIJAU</b> atau <b>KUNING</b> akan dibenarkan masuk ke premis.</li> <li>• Hanya pelanggan yang melengkapkan <b>dua (2) dos vaksin</b> dibenarkan untuk memasuki premis dengan menunjukkan status vaksinasi di aplikasi BruHealth / Buku Vaksinasi (<i>Yellow Booklet</i>).</li> <li>• Individu yang belum divaksinasi (termasuk kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah) dan individu yang belum melengkapkan dua (2) dos</li> </ul>



Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"><li>• Memastikan pekerja-pekerja sentiasa memakai sungkup muka (<i>face mask</i>) pada setiap masa.</li><li>• Mendaftar premis untuk mendapatkan kod QR BruHealth dan seterusnya mencetak kod QR tersebut untuk dilekatkan di kawasan pintu masuk.</li><li>• Menghadkan jumlah pengunjung yang dibenarkan untuk masuk dalam satu-satu masa kepada <b>50% dari jumlah kapasiti biasa ATAU tidak melebihi 200 orang (yang mana lebih rendah)</b>.</li><li>• Mempamerkan notis jumlah maksima dan jumlah 50% kapasiti serta status vaksinasi pekerja seperti di <b>LAMPIRAN 1</b> di luar premis.</li><li>• Tempoh penggunaan fasiliti dihadkan kepada 2 jam sahaja bagi setiap pengguna. Masa beroperasi adalah seperti berikut:<ul style="list-style-type: none"><li>➤ 8.00 pagi hingga 10.00 pagi</li><li>➤ 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari (kecuali hari Jumaat sehingga jam 11.30 pagi)</li><li>➤ 2.00 petang hingga 4.00 petang (kecuali hari Jumaat dari jam 2.30 petang)</li><li>➤ 4.00 petang hingga 6.00 petang</li></ul></li></ul>	<p>vaksin tidak dibenarkan masuk ke premis.</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Dimastikan memakai sungkup muka (<i>face mask</i>) pada setiap masa kecuali semasa berenang.</li><li>• Individu yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi premis.</li><li>• Mengamalkan penjarakan sosial dan kebersihan diri pada setiap masa seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan <i>hand sanitizer</i>.</li></ul>



Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penganjuran <i>Organised Sports</i> atau sebarang kejohanan <b>belum dibenarkan.</b></li> <li>• Penggunaan <i>locker room</i> dan tempat mandi adalah dibenarkan.</li> <li>• Membuat pemeriksaan suhu badan di tempat masuk premis dan menyediakan <i>hand sanitiser</i>.</li> <li>• Memastikan semua peralatan yang digunakan untuk dibersihkan atau di <i>sterilise</i> sebelum dan setelah digunakan.</li> <li>• Mematuhi garis panduan dalam pembersihan dan sanitasi premis.</li> </ul>	

### C. Pusat *Bowling*

Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hanya pekerja yang melengkapkan <b>dua (2) dos vaksin dibenarkan</b> bekerja.</li> <li>• Pihak majikan adalah dinasihatkan untuk membuat ujian ART berkala ke atas setiap pekerja sepertimana yang dinyatakan di dalam Garis Panduan Antigen Rapid Test (ART) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.</li> <li>• Hanya pekerja yang mempunyai kod BruHealth <b>HIJAU</b> dan <b>KUNING</b> sahaja dibenarkan memasuki premis untuk bekerja.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengimbas kod QR BruHealth sebelum memasuki premis. Hanya individu yang mempunyai kod warna yang betul iaitu <b>HIJAU</b> atau <b>KUNING</b> akan dibenarkan masuk ke premis.</li> <li>• Hanya pelanggan yang melengkapkan <b>dua (2) dos vaksin</b> dibenarkan untuk memasuki premis dengan menunjukkan status vaksinasi di aplikasi BruHealth / Buku Vaksinasi (<i>Yellow Booklet</i>).</li> </ul>



Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mana-mana pekerja yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir bekerja.</li> <li>• Memastikan pekerja-pekerja sentiasa memakai sungkup muka (<i>face mask</i>) pada setiap masa.</li> <li>• Mendaftar premis untuk mendapatkan kod QR BruHealth dan seterusnya mencetak kod QR tersebut untuk dilekatkan di kawasan pintu masuk.</li> <li>• Menghadkan jumlah pengunjung yang dibenarkan untuk masuk dalam satu-satu masa kepada <b>50% dari jumlah kapasiti biasa ATAU tidak melebihi 200 orang (yang mana lebih rendah)</b>.</li> <li>• Mempamerkan notis jumlah maksima dan jumlah 50% kapasiti serta status vaksinasi pekerja seperti di <b>LAMPIRAN 1</b> di luar premis.</li> <li>• Tempoh penggunaan fasiliti tidak dihadkan.</li> <li>• <b>Empat (4) orang setiap lorong</b> dengan penggunaan <i>house ball</i> dan <i>house shoe</i> adalah dibenarkan.</li> <li>• Penganjuran <i>Organised Sports</i> atau sebarang kejohanan <b>belum dibenarkan</b>.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Individu yang belum divaksinasi (termasuk kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah) dan individu yang belum melengkapkan dua (2) dos vaksin tidak dibenarkan masuk ke premis.</li> <li>• Dimastikan memakai sungkup muka (<i>face mask</i>) pada setiap masa.</li> <li>• Individu yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi premis.</li> <li>• Mengamalkan penjarakan sosial dan kebersihan diri pada setiap masa seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan <i>hand sanitizer</i>.</li> </ul>





Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat pemeriksaan suhu badan di tempat masuk premis dan menyediakan <i>hand sanitiser</i>.</li> <li>• Memastikan semua peralatan yang digunakan untuk dibersihkan atau di <i>sterilise</i> sebelum dan setelah digunakan.</li> <li>• Mematuhi garis panduan dalam pembersihan dan sanitasi premis.</li> </ul>	

#### D. Padang Golf

Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hanya pekerja yang melengkapkan <b>dua (2) dos vaksin dibenarkan</b> bekerja.</li> <li>• Pihak majikan adalah dinasihatkan untuk membuat ujian ART berkala ke atas setiap pekerja sepertimana yang dinyatakan di dalam Garis Panduan Antigen Rapid Test (ART) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.</li> <li>• Hanya pekerja yang mempunyai kod BruHealth <b>HIJAU</b> dan <b>KUNING</b> sahaja dibenarkan memasuki premis untuk bekerja.</li> <li>• Mana-mana pekerja yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir bekerja.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengimbas kod QR BruHealth sebelum memasuki premis. Hanya individu yang mempunyai kod warna yang betul iaitu <b>HIJAU</b> atau <b>KUNING</b> akan dibenarkan masuk ke premis.</li> <li>• Hanya pelanggan yang melengkapkan <b>dua (2) dos vaksin</b> dibenarkan untuk memasuki premis dengan menunjukkan status vaksinasi di aplikasi BruHealth / Buku Vaksinasi (<i>Yellow Booklet</i>).</li> <li>• Individu yang belum divaksinasi (termasuk kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah) dan individu yang belum melengkapkan dua (2) dos vaksin tidak dibenarkan masuk ke premis.</li> </ul>



<b>Pemilik/Pekerja</b>	<b>Pelanggan</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Memastikan pekerja-pekerja sentiasa memakai sungkup muka (<i>face mask</i>) pada setiap masa.</li><li>• Mendaftar premis untuk mendapatkan kod QR BruHealth dan seterusnya mencetak kod QR tersebut untuk dilekatkan di kawasan pintu masuk.</li><li>• Menghadkan jumlah pengunjung yang dibenarkan untuk masuk dalam satu-satu masa kepada <b>50% dari jumlah kapasiti biasa ATAU tidak melebihi 200 orang (yang mana lebih rendah)</b>.</li><li>• Mempamerkan notis jumlah maksima dan jumlah 50% kapasiti serta status vaksinasi pekerja seperti di <b>LAMPIRAN 1</b> di luar premis.</li><li>• Tempoh penggunaan fasiliti tidak dihadkan.</li><li>• Hanya dibukakan kepada ahli-ahli yang berdaftar melalui tempahan awal (<i>pre-booking</i>).</li><li>• Kenderaan <i>Buggy</i> boleh menampung <b>2 orang pengguna pada satu masa</b> dengan memastikan adanya langkah-langkah penjarakan sosial.</li><li>• Setiap <i>flight</i> adalah <b>dibenarkan kepada 4 pemain</b> dengan memastikan adanya langkah-langkah penjarakan sosial.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Individu yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi premis.</li><li>• Dimastikan memakai sungkup muka (<i>face mask</i>) pada setiap masa.</li><li>• Dikehendaki membawa dan menggunakan peralatan mereka sendiri.</li><li>• Mengamalkan penjarakan sosial dan kebersihan diri pada setiap masa seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan <i>hand sanitizer</i>.</li></ul>



Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"><li>• Penganjuran <i>Organised Sports</i> atau sebarang kejohanan <b>belum dibenarkan.</b></li><li>• Penggunaan <i>locker room</i> dan tempat mandi adalah dibenarkan.</li><li>• Membuat pemeriksaan suhu badan di tempat masuk premis dan menyediakan <i>hand sanitiser</i>.</li><li>• Memastikan semua peralatan yang digunakan untuk dibersihkan atau di <i>sterilise</i> sebelum dan setelah digunakan.</li><li>• Mematuhi garis panduan dalam pembersihan dan sanitasi premis.</li></ul>	



## **LAMPIRAN 1**

[Sila bubuh letterhead syarikat jika ada]

Nama Syarikat	
Kapasiti premis pada 100%	
Kapasiti premis pada 50%	
Bilangan pekerja dalam premis	
<p><b>Syarikat ini mengesahkan bahawa semua pekerja di premis ini telah melengkapkan dua (2) dos vaksin.</b></p> <p>----- [tanda tangan pemilik dan chop syarikat]</p> <p><b>*Pengisytiharan palsu boleh dikenakan tindakan undang-undang mengikut peruntukan di bawah Seksyen 62A Akta Penyakit Berjangkit Bab 204</b></p>	